

Penglibatan Pelajar IPT Dalam Jenayah Serius, Kata KP KL

KUALA LUMPUR, 9 Julai (Bernama) -- Pembabitkan pelajar terutamanya dari Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam kes jenayah di sekitar Kuala Lumpur semakin serius, terutamanya melibatkan jenayah dadah diikuti dengan penipuan dan "black money".

Dari Januari hingga Jun tahun ini, 31 pelajar ditahan membabitkan enam pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan 25 pelajar IPTS.

"Kes jenayah pelajar termasuk pelajar warga asing semakin serius terutama di kalangan pelajar IPTS dan polis membuat pemantauan berterusan yang melibatkan kumpulan terbabit," kata Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Wira Muhammad Sabtu Osman selepas melancarkan Kempen Unit Kesukarelaan Pencegahan Jenayah dan Rakan Cop di Universti UCSI, di sini Khamis.

Beliau berkata pelajar IPTA yang ditahan itu kesemuanya adalah pelajar tempatan manakala daripada 25 pelajar IPTS yang ditahan, 18 adalah pelajar tempatan dan selebihnya pelajar asing.

Katanya daripada pelajar asing yang ditahan itu, tiga dari Kazakhstan dan empat dari Nigeria.

Empat pelajar Nigeria yang ditahan itu, katanya disiasat di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya yang boleh membawa hukuman mandatori gantung sampai mati.

"Kita menghantar surat kepada IPT bagi memaklumkan tentang pelajar mereka yang terbabit (dalam jenayah), selain itu polis juga akan meminta pihak IPT sama-sama memantau pelajar-pelajar mereka," katanya.

Muhammad Sabtu berkata lima pelajar sekolah turut ditahan dalam tempoh yang sama.

Dalam pada itu, polis Kuala Lumpur menjalinkan kerjasama bersama Universiti UCSI terutama dalam aspek pencegahan jenayah melalui unit pencegahan jenayah dan Rakan Cop di universiti tersebut yang kini disertai 240 pelajar.

Beliau berkata kerjasama itu memperlihatkan kesan positif apabila tiada kes jenayah dilaporkan melibatkan pelajar UCSI.

"Sebelum ini, terdapat beberapa laporan di mana pelajar UCSI menjadi mangsa jenayah terutama kes ragut, tetapi sejak sebulan lalu selepas penubuhan unit ini, tiada kes dilaporkan," katanya.

--BERNAMA